

ANGKATAN GENDANG RAYA

Mengapa saudara terlonta-lonta
menepuk dada sebagai juara di tengah gelanggang
mencapak mencabar pahlawan perwira;
yang telah berjasa
yang telah membina kebesaran bangsa!

Mengapa berperiperi hendak menyingkirkan yang asli
hendak memusnahkan pusaka
hendak meleburkan hak saka baka!

Inikah pembaharuan yang saudara hebohkan?

inikah jalan fikiran baharu yang saudara
banggakan?

Sehingga telinga pekak bingit

menahan bunyi akuan berdegar-degar

yang hinggar bingar gegak gempita

bak gendang raya, bak gong gendang cina!

Kasihah!

oleh-oleh yang saudara bawa menyeledup;

kebanyakan saduran!

Kerana saudara bukannya jauhari

pemilih yang mana batu yang mana kaca

itulah sebabnya dengungan saudara

tidak diterima oleh masyarakat

tidak mendapat pasaran!

-Basmeh

BAHARU ALAM

(oleh Pencinta Qalam)

Donggak ke langit awan yang biru
Janganlah lupa petua guru
Bahawa ilmu alam sifat yang baharu
Berubah tukar jangan keliru

Dunia nan bulat tak nampak penjuru
Istana syaitan nampak mengaru
Yang loba dengki cemburu
Hasad kabit kacau keliru

Bangkai dunia busuk tak terderu
Sangat dituntut anjing pemburu
Seman yang khayal imannya puru
Hidup sentiasa dengan berguru

Bergaru tak gatal fikiran saru
Menurutkan nafsu terburu-buru
Lemahlah darah jantung peparu
Lali dan lupa agama berseru.

Ayuhai diri fa'tabiru
Pilih memilih tiru meniru
Lepu jangan sangka cencaru
Tuak nan bukan santan tiru.

Seman yang soleh kata berguru
Bersedia bekalan ubat peluru
Kehidupan aman tidak mengaru
Terlepaslah daripada haru biru.